

NO. SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauhmana kaedah pengukuran saintifik dalam Indeks Syariah Malaysia (ISM) bagi menentukan kedudukan kerajaan dalam menepati piawaian Islam selari dengan kaedah dan hukum Islam.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Tadbir urus berdasarkan piawaian Maqasid Syariah telah lama diaplikasikan sebagai teras dalam penggubalan dasar dan polisi pentadbiran di Malaysia selama ini. Tetapi ianya belum pernah dinilai prestasi dan kedudukan sebenar pelaksanaannya. Beriltizam kepada perkara tersebut, YAB Perdana Menteri telah mencetuskan idea Indeks Syariah untuk dilaksanakan di Malaysia sebagai satu dimensi baru tadbir urus negara yang bersifat saintifik. Kaedah pengukuran ISM secara saintifik ini amat signifikan bagi Kerajaan untuk menentukan

sejauhmana (berpandukan data kuantitatif) usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam pentadbiran negara selama ini berada atas landasan Maqasid Syariah.

Data indeks yang dihasilkan akan menjadi satu indikator komprehensif kepada Kerajaan bagi menilai komitmen dan tahap usaha yang dilaksanakan dalam menterjemah dan mengimarahkan prinsip dan nilai Islam. Proses penambahbaikan dan pengukuhan ISM perlu sentiasa dipantau agar tanggungjawab Kerajaan untuk memaju, menyubur dan memperkasakan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan dapat dilaksanakan sebaiknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ISM memfokuskan pengukuran terhadap usaha yang dilakukan adalah berasaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Najm ayat 39 yang bermaksud: *"Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan apa yang diusahakannya"*

Disamping yang sama, pendekatan ***muhasabah*** yang digunakan dalam ISM juga adalah selaras dengan tuntutan Islam berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud: *"Orang yang pintar ialah yang selalu ***muhasabah*** dirinya dan beramal untuk kematiannya, sementara orang yang lemah ialah yang mengikut hawa nafsunya dan berangan-angan Allah SWT akan mengampunkannya."* (Hadis riwayat at-Tirmidzi).

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
[HULU LANGAT]
TARIKH : **25 MEI 2016 [RABU]**
SOALAN : **82**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- (a) adakah ada menunjukkan hasil yang signifikan dalam pemantauan sinaran latar dari semua Pusat Pemantauan seluruh Malaysia; dan
- (b) adakah ada keradioaktifan yang signifikan dari sampel sekitaran seperti tanah, air dan tumbuhan seluruh Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) sentiasa melakukan pemantauan sinaran latar belakang melalui *Environmental Radiation Monitoring System* (ERMS) yang dipasang bermula dari tahun 2011 di 10 buah lokasi terpilih di seluruh Malaysia. Lokasi tersebut adalah di Chuping, Perlis; Ipoh, Perak; Batu Berendam, Melaka; Kuantan, Pahang; Senai, Johor; Kudat, Sabah; Sri Aman, Sarawak; Pulau Jarak, Perak; Pulau Merambong, Johor; dan Pulau Layang-layang, Sabah.

Data dari 10 buah lokasi ini menunjukkan bahawa tiada peningkatan yang signifikan dalam bacaan sinaran latar belakang dari tahun 2011 – 2015. Sehingga kini, bacaan pemantauan sinaran latar belakang yang direkodkan adalah dalam julat 0.037 mikro Sievert per jam ($\mu\text{Sv}/\text{jam}$) di Chuping, Perlis hingga 0.243 mikro Sievert per jam ($\mu\text{Sv}/\text{jam}$) di Pulau Jarak, Perak. Bacaan data pemantauan sinaran yang diperolehi

selama lima tahun ini tidak menunjukkan peningkatan bacaan paras sinaran latar belakang yang signifikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Keradioaktifan sekitaran sentiasa dipantau menerusi sampel-sampel tanah, air dan tumbuhan terutamanya di premis-premis yang dilesenkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304). Daripada analisa sampel yang dijalankan, didapati kandungan radionuklid Uranium-238 (U-238) dan Torium-232 (Th-232) adalah di bawah had yang ditetapkan melalui Akta 304, iaitu 1 Becquerel per gram di dalam tanah manakala 10 Becquerel per liter di dalam air.

LPTA sentiasa memantau keradioaktifan sekitaran ini dari semasa ke semasa dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat pelanggaran Akta 304 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Sekian, terima kasih.